



RENCANA

Oleh Ruhaiza Rusmin dan Mohd Zaini Othman

rencana@mediaprima.com.my

# Sayu beraya DI PERANTAUAN

Siswa asing kongsi kegembiraan bersama rakan sekuliah

Jauh di perantauan membuatkan siswa asing yang menyambut Aidilfitri berkongsi kegembiraan bersama rakan sekuliah.

Sambutan hari raya di perantauan juga membuatkan mereka lebih menghargai hubungan silaturahim yang terjalin meskipun datang daripada pelbagai negara dan latar belakang berbeza.

Md Robiul Islam, 23, dari Bangladesh berkata, hatinya sayu apabila terpaksa berjauhan dengan keluarga pada hari raya.

Menurut siswa Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa di Fakulti Syariah dan Undang-undang Univeristi Sains Islam Malaysia (USIM) itu, berjauhan dengan keluarga menyebabkan dia menangis pada malam raya.

"Sukar untuk saya gambarkan perasaan ini pada waktu itu terutama ketika mendengar suara takbir berkumandang.

"Ini kali pertama saya menyambut hari raya keseorangan di perantauan dan ia amat menyedihkan.

"Pada waktu ini, tergambar keriang menyambut hari raya di kampung halaman dengan keluarga," katanya.

Namun, kehadiran rakan lain sedikit mengubat kesedihannya.

"Walaupun merindui masakan ibu, menikmati pelbagai juadah baru di negara ini memberi pengalaman berbeza.

"Kami bersama-sama mengunjungi rakan lain selain ada teman menghantar juadah hari raya," katanya.

**MENIKMATI** juadah bersama rakan pelbagai negara yang turut menyambut lebaran di negara ini.



**"Walaupun merindui masakan ibu, menikmati pelbagai juadah baru di negara ini memberi pengalaman berbeza"**  
Md Robiul Islam

tar juadah hari raya," katanya.

Berkongsi sambutan lebaran di negaranya, dia berkata pada malam terakhir Ramadan, mereka berkumpul dan bergotong-royong hingga pagi Syawal.

"Selepas solat sunat hari raya, kami menziarahi golongan paling tua dan selepas itu ke rumah pen-



**RAKAN** tempatan turut meraikan Syawal bersama siswa asing sebagai mengeratkan hubungan silaturahim.

duduk kampung miskin untuk mengagih-agihkan juadah.

"Kanak-kanak diberi duit raya untuk menggemirakan mereka, sama seperti di sini," katanya.

Rakannya, siswa Sarjana Muda Teknologi Kimia Fakulti Sains dan Teknologi Abioye Dalapo Azeez, 24, berkata meskipun ini kali kedua dia beraya di negara ini, kerinduan menyambut Aidilfitri bersama keluarga di Nigeria tetap membara.

Walaupun sambutan raya di negara ini meriah, dia tetap terkesan sambutan di kampung halaman.

"Berhari raya kali kedua di negara ini menyebabkan pe-

rasaan rindu pada kampung halaman mampu dibendung.

"Malah, saya juga tidak sabar mahu menikmati hidangan ketupat dan kuih raya.

"Di negara saya, juadahnya tidak sebanyak di negara ini, namun masih istimewa kerana ia hasil air tangan ibu," katanya.

Di Nigeria, apabila tiba Aidilfitri, masyarakat memakai pakaian tradisional masing-masing yang bercirikan etnik suku kaum diwakili.

"Yang penting, ia mesti unik dan berwarna warni dan kami akan berkunjung ke rumah kenalan atau saudara mara," katanya.



**SAAT** gembira dapat melupakan sebentar kesedihan tidak dapat beraya di kampung halaman.